

BAB DUA

BAB DUA

INDUSTRI PERBUKUAN DI MALAYSIA : SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA (MABOPA)

Industri perbukuan negara secara umumnya berada di tahap yang rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain. Menurut kajian yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1996, kadar literasi rakyat Malaysia adalah 93 % dan hanya 87 % sahaja yang mengamal membaca. Malahan purata seorang rakyat Malaysia hanya membaca dua judul buku dalam setahun (Samsul Khamariah Hamzah : 1996). Oleh kerana kadar permintaan buku yang rendah dipasaran, maka industri perbukuan negara menghadapi masalah untuk meningkatkan prestasinya. Perangkaan pada tahun 1990 menunjukkan bahawa jumlah perolehan daripada industri percetakan, penerbitan dan industri yang berkaitan dengannya bernilai hampir RM 1.24 bilion. Walaupun begitu, jumlah ini tidak menggambarkan perkembangan industri perbukuan kerana ia meliputi segala bentuk kegiatan dalam kedua-dua industri tersebut.

Dalam statistik ekonomi negara, industri penerbitan telah diklasifikasikan ke dalam industri percetakan walaupun realitinya kedua-dua industri ini adalah berbeza. Kekeliruan ini wujud kerana industri percetakan dianggap penyumbang kepada pendapatan negara berbanding dengan industri penerbitan yang dianggap kurang penting. Dalam era perkembangan teknologi terkini, peranan industri penerbitan dan perbukuan semakin terhakis dari minda apabila

penumpuan kepada pembangunan teknologi komputer dan multimedia lebih di beri perhatian kerana ia dianggap sebagai lambang kemajuan sesebuah negara.

NEGARA	JUMLAH JUDUL YANG DITERBITKAN
United Kingdom	98,444
Jerman	77,889
Jepun	65,438
Amerika Syarikat	58,465
Korea Selatan	27,313
Thailand	8,000
Afrika Selatan	5,592
Malaysia	5,536

Jadual 1 : Pengeluaran Judul Baru Bagi Tahun 1997

(Sumber : Memorandum Industri Buku Negara, 1999)

Melihat kepada statistik yang dikeluarkan oleh International Publishers Association (IPA) yang berpusat di Geneva, Malaysia masih mencapai kedudukan yang rendah dari aspek pengeluaran buku. Perbandingan secara umum menunjukkan Malaysia hanya mampu menduduki senarai ke-8 dan tercorot daripada negara-negara lain termasuk Afrika Selatan ; sebuah negara yang kurang membangun jika dibanding dengan Malaysia.

Melalui jadual ini juga diketahui bahawa United Kingdom merupakan sebuah negara yang paling aktif dan menduduki senarai teratas dalam mengeluarkan judul-judul baru iaitu 98,444 judul. Ini diikuti dengan negara Jerman iaitu 77,889 judul. Negara gergasi timur iaitu Jepun menduduki senarai ketiga dalam penerbitan judul baru dengan jumlah 65,438 judul. Manakala Korea Selatan dan Thailand masing-masing dengan 8,000 dan 5,592 judul. Menerusi statistik yang dikeluarkan oleh IPA ini, jelas menunjukkan bahawa sepanjang tempoh tahun 1997 sebanyak 346,677 judul telah dikeluarkan secara keseluruhannya. Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa industri perbukuan masih lagi berada di paras yang rendah kerana jumlah pengeluaran buku adalah perlahan sedangkan pertambahan kadar penduduk sedunia adalah pesat dari sehari ke sehari.

Untuk mengangkat kembali martabat industri perbukuan negara, maka terdapat beberapa badan dan persatuan yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti perbukuan. Badan dan persatuan ini telah berganding bahu untuk memperjuangkan nasib industri penerbitan yang menjadi teras utama industri perbukuan negara. Persefahaman dan kerjasama ini telah membentuk Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) yang menjadi payung kepada para aktivis yang terlibat dalam industri perbukuan negara. Selanjutnya, badan dan persatuan tersebut turut menjaga kebajikan para anggotanya dan mereka telah bersatu supaya suara mereka didengari. Antara badan dan persatuan yang menjadi ahli MBKM ialah :

- Persatuan Penerbit Buku Malaysi (MABOPA)
- Ikatan Penerbit Buku Bumiputera Nasional (IKATAN)
- Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA)
- Persatuan Pengimport Buku Malaysia (MBIA)
- Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
- Wakil-wakil kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan
- Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Negara Malaysia.
- Persatuan Pencetak-pencetak Melayu Malaysia
- Persatuan-persatuan yang berkaitan dengan pembacaan, terjemahan dan perpustakaan.

MBKM sentiasa menjalin hubungan yang rapat dengan persatuan-persatuan perbukuan termasuk MABOPA. Satu kegiatan tahunan yang diadakan dengan kerjasama badan-badan perbukuan ialah Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang telah mula diadakan pada tahun 1980-an. Pesta yang mempamerkan judul-judul terbitan tempatan dan antarabangsa ini dilawati oleh kira-kira 100 ribu pengunjung setiap tahun dan disertai lebih 100 syarikat dan badan perbukuan. MBKM juga menyuarakan pandangan-pandangan yang diterima daripada badan-badan penerbitan dan seterusnya menyalurkan ke saluran yang betul demi meningkatkan peranan dan sumbangan dalam industri perbukuan negara khasnya.

Untuk memastikan industri perbukuan negara diberikan perhatian yang sewajarnya, baru-baru ini MBKM menghantar memorandum iaitu 'Memorandum Industri Buku Negara Kepada Jawatankuasa Kerja MAPEN II'. Memorandum ini mengandungi cadangan-cadangan ke arah memantapkan kedudukan dan peranan industri perbukuan negara supaya dapat memberi sumbangan terhadap pembangunan negara khususnya dalam usaha menuju ke arah masyarakat berilmu. Terdapat pelbagai cadangan, rumusan dan syor telah dikemukakan agar industri perbukuan negara mendapat pengiktirafan daripada pihak-pihak yang terlibat dan diberi bantuan dan peruntukan kewangan yang sewajarnya secara berterusan (Memorandum Industri Buku Negara : 1999).

PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA (MABOPA)

SEJARAH PENUBUHANNYA

Pada tahun 1957, terdapat 60 buah syarikat penerbitan yang beroperasi di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Antaranya Pustaka Antara, Oxford University Press, McGraw Hill, Malaya Publishing House dan Longman (Abdul Manaf Saad dan Rabiatuladawiah Arshad :1994). Tahun 1961 menyaksikan pertambahan bilangan syarikat penerbitan ekoran dari perlaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan berdasarkan Penyata Razak yang menekankan penggunaan buku teks bertema dan berlatar belakangkan masyarakat tempatan. Dengan terlaksananya sistem pendidikan baru ini, ia sebenarnya telah membuka ruang kepada para penerbit untuk bergiat aktif dalam bidang penerbitan terutama bagi buku-buku bahasa Melayu dan juga Inggeris.

Dunia penerbitan yang begitu suram sejak tamatnya perang dunia kedua seolah-olah mendapat semangat baru hasil dari perlaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Sejak dari itu, pelbagai judul buku teks bagi keperluan sekolah-sekolah di Tanah Melayu diterbitkan dengan rancaknya. Walaupun begitu, perkembangan ini melahirkan situasi baru yang kurang menyenangkan kerana kebanyakan dari para penerbit terlalu asyik menumpukan penerbitan terhadap buku-buku teks sekolah. Implikasinya penerbitan buku dalam bidang-bidang lain terabai.

Menjelang tahun 1967, hanya terdapat 20 daripada 60 buah syarikat penerbitan yang masih giat beroperasi semenjak dari penubuhannya pada tahun 1957. Kebanyakan syarikat kecil yang menerbitkan satu atau dua judul buku terpaksa mengambil langkah menutup syarikat bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar kerana pasaran yang terhad. Keadaan menjadi lebih teruk lagi apabila buku-buku yang dicetak tidak laris dipasaran. Tambahan pula kadar celik huruf pada ketika itu belum memuaskan lagi. Syarikat-syarikat kecil yang tidak diuruskan secara profesional terpaksa mengaku kalah kepada syarikat-syarikat yang lebih besar dan kukuh untuk meneruskan cabaran dalam industri penerbitan ketika itu. Malahan kemerosotan industri perbukuan pada ketika itu terbukti dengan menurunnya jumlah penerbitan buku pada tahun 1967 iaitu 483 judul berbanding 563 judul pada tahun 1966 (MABOPA Penerbitan Buku dan Peranan Penerbit : 1994).

Pada ketika itu, dunia penerbitan berada pada tahap yang rendah dari aspek kualiti pengurusan kerana tidak ada orang perseorangan, pertubuhan atau badan kerajaan yang mengambil berat tentang dunia penerbitan apatah lagi untuk memajukannya. Ketiadaan sebarang undang-undang ataupun peraturan-peraturan tertentu turut memburukkan lagi keadaan dunia penerbitan ketika itu. Masalah-masalah seperti ketidakadilan dalam pembayaran royalti oleh pihak penerbit kepada penulis dan juga ketidakcekapan dalam bidang pengedaran dan pemasaran buku telah menimbulkan perbalahan antara penjual dan pengedar

buku. Justeru itu, keadaan ini menjadikan dunia penerbitan pada ketika itu menjadi kucar-kacir tanpa ada sebarang inisiatif untuk menyelesaikannya.

Pada tahun 1966, UNESCO telah menyarankan dan menggesa negara-negara membangun di rantau Asia Pasifik supaya menujuhkan sebuah badan yang berfungsi untuk memajukan buku dan mengembangkan perpustakaan. UNESCO juga menganjurkan supaya negara-negara terbabit mencari jalan bagi memupuk minat membaca di kalangan rakyat masing-masing. Tarikh 24 Julai 1967 membuka lembaran baru dalam dunia penerbitan apabila Persatuan Perpustakaan telah mengadakan mesyuarat kali pertama antara para penerbit dengan penjual-penjual buku yang dijalankan di bawah pengawasan UNESCO. Hasil dari mesyuarat itu, sebuah jawatankuasa penaja untuk menujuhkan sebuah persatuan penerbit buku telah dibentuk. Antara mereka yang terlibat dalam jawatankuasa penaja itu ialah Encik Ghazali Yunus (Franklin Book Programs) yang dilantik sebagai pengurus, Encik Ashraf Hj. Wahab (Oxford University Press) sebagai naib pengurus, Encik R. Narayan Menon (Rayirath Raybooks Publications) sebagai setiausaha manakala Encik Abdul Latif Shamsuddin (Longman) dan Encik I.C McNay (Federal Publications Limited) sebagai ahli jawatankuasa. ^

Sebelum sebarang keputusan dibuat, jawatankuasa penaja telah bermesyuarat sebanyak empat kali dan akhirnya bersetuju untuk mengadakan mesyuarat penubuhan sebuah persatuan yang mewakili para penerbit buku pada

18 Mei 1968. Dalam mesyuarat penubuhan tersebut sebanyak 11 orang wakil penerbit telah hadir iaitu :

- | | |
|------------------------------|-----------------------------------|
| • Encik Abdul Aziz Ahmad | - Pustaka Antara |
| • Encik Anthony Wong | - Far Eastern Publishers (M) Ltd. |
| • Encik Beda Lim | - University of Malaya Press. |
| • Encik B. Mohamad Kassim | - Peninsular Publications |
| • Encik Foo Teck Koon | - Cosmos Distributors |
| • Encik Ghazali Yunus | - Franklin Book Programs |
| • Encik Khaw Soon Huat | - McMillan & Co. Ltd. |
| • Encik Koh Yee Cheng | - Pustaka Pendidikan Sdn. Bhd. |
| • Encik R. G. B. Duncan | - Longman Malaysia Sdn. Bhd. |
| • Encik Rutaff Ahmad Effendy | - Pustaka Melayu Baru |
| • Seorang wakil | - United Publishers Services |

Dalam mesyuarat tersebut, satu ketetapan telah diambil iaitu penubuhan sebuah persatuan yang dapat menggabungkan para penerbit dari seluruh pelosok tanah air. Oleh itu, Persatuan Penerbit Buku Malaysia telah ditubuhkan hasil dari mesyuarat tersebut. Dengan tertubuhnya persatuan ini, maka ia membuka lembaran baru dalam sejarah industri perbukuan negara walaupun pada tahap awal Persatuan Penerbit Buku Malaysia tidak bergerak aktif sehinggalah didaftarkan secara rasmi pada 14 Januari 1969. Dekad selepas itu telah menyaksikan perkembangan Persatuan Penerbit Buku Malaysia daripada

sebuah pertubuhan yang kecil menjadi semakin mantap dan kukuh selari dengan pembangunan negara. (MABOPA Penerbitan Buku dan Peranan Penerbit : 1994)

OBJEKTIF PENUBUHAN

Penubuhan Persatuan Penerbit Buku Malaysia bertujuan untuk menyatupadukan semua penerbit di seluruh negara dan memperbaiki situasi industri penerbitan melalui rancangan dan kerjasama antara ahli-ahlinya. Terdapat 10 matlamat dan objektif penubuhan Persatuan Penerbit Buku Malaysia seperti yang digariskan dalam perlembagaannya. Objektif tersebut ialah : (Direktori Industri Buku Malaysia 2000/2001 : 2000)

- Menggalakkan penyebaran buku seluas-luasnya.
- Menggalakkan pembangunan perniagaan penerbitan
- Menggalakkan kesedaran kebangsaan terhadap industri penerbitan
- Menggalakkan kegiatan kepenggarangan
- Meningkatkan kelayakan dan kemahiran teknikal serta profesional ahli
- Memperkenal dan memberi perlindungan berbentuk perundangan yang berkepentingan terhadap ahli
- Memeriksa proposal perundangan yang memberi impak kepada penerbit dan industri perbukuan

- Mengenal pasti dan menyelesaikan permasalahan dalam penerbitan secara bersama
- Menggalakkan amalan perniagaan yang adil
- Bekerjasama dengan persatuan perniagaan yang bergabung dan organisasi pendidikan / kebudayaan untuk menyemai minat membaca.

KEAHLIAN

Pada tahap awal penubuhannya, Persatuan Penerbit Buku Malaysia hanya dianggotai oleh 18 syarikat penerbit walaupun Peraturan (3) Perlembagaan Persatuan membuka keahliannya kepada semua syarikat penerbit yang berdaftar di Malaysia. Namun begitu, dari tahun ke tahun jumlah syarikat yang menyertainya semakin bertambah terutama pada sekitar dekad 80-an apabila syarikat-syarikat penerbitan buku mulai menyedari kepentingan dan faedah yang akan diperolehi apabila menganggotainya. Jika diteliti hanya empat syarikat pengasas MABOPA yang masih setia menganggotainya dari tahun 1969 hingga kini iaitu syarikat :

6901	Federal Publications Sdn. Bhd.
6903	Geetha Sdn. Bhd.
6906	Penerbit Universiti Malaya
6907	Syarikat United Book Sdn. Bhd.

TAHUN	JUMLAH AHLI
1969	18
1977	44
1984	55
1985	64
1986	68
1987	72
1988	76
1989	93
1990	101
1994	88
1995	Tidak di perolehi
1996	91
1997	82
1998	83
1999	89
2000	91

Jadual 2 : Jumlah Syarikat Yang Menganggotai MABOPA dari tahun

~ 1969 hingga 2000

(Sumber : MABOPA : Penerbitan Buku dan Peranan Penerbit, tahun 1969
hingga 1994, 1994)

Jadual di atas menunjukkan jumlah syarikat yang menganggotai MABOPA sepanjang 31 tahun penubuhannya. Jika di teliti, sejak dari awal penubuhannya pada tahun 1968, jumlah syarikat yang mendaftar dengan MABOPA hanyalah 18 syarikat. Jumlah ini meningkat kepada 44 syarikat pada tahun 1977. Kemudian pada tahun 1984 pula, sebanyak 10 buah syarikat baru menyertainya menjadikan jumlahnya 55 syarikat. Tahun-tahun seterusnya iaitu 1986, 1987, 1988, dan 1989 terus mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan dengan masing-masing mencatatkan 64 syarikat, 72 syarikat, 76 syarikat, dan 93 syarikat. Jumlah tertinggi bagi syarikat-syarikat yang pernah mendaftar dengan MABOPA secara rasminya ialah pada tahun 1990 dengan 101 buah syarikat.

Selepas tahun 1990, MABOPA mengalami zaman suramnya kerana jumlah syarikat yang mendaftar dalam MABOPA semakin merosot dari tahun ke tahun. Bermula pada tahun 1994, jumlah syarikat yang menganggotai MABOPA turun mendadak kepada 88 syarikat. Berkemungkinan dalam masa empat tahun, MABOPA kurang aktif dan ini menyebabkan syarikat-syarikat kurang berminat untuk mendaftar dengannya. Malahan pada tahun 1995 tidak ada sebarang data diperolehi tentang syarikat yang menganggotai MABOPA. Keadaan kembali meningkat pada tahun 1996 apabila 91 syarikat telah berdaftar dengan MABOPA. Walaupun begitu, ia kembali menurun kepada 82 syarikat pada tahun 1997. Tahun-tahun seterusnya telah menunjukkan peningkatan yang begitu perlahan dengan 83 syarikat pada tahun 1998 dan pada tahun 1999 naik kepada

89 syarikat iaitu pertambahan enam syarikat sahaja. Pada tahun 2000, jumlah syarikat yang berdaftar secara rasmi dengan MABOPA meningkat kepada 91 syarikat ; sama seperti tahun 1996.

NEGERI	JUMLAH AHLI	PERATUSAN (%)
Selangor, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya	83	91.2
Johor	3	3.3
Perak	2	2.2
Pulau Pinang	2	2.2
Melaka	1	1.1
JUMLAH	91	100

Jadual 3 : Syarikat Yang Menganggotai MABOPA Mengikut Pecahan Negeri

(Sumber : Buku Cenderamata Sempena Ulang Tahun Ke – 31 Tahun
MABOPA, 2000)

Pada tahun 2000, Persatuan Penerbit Buku Malaysia secara rasminya mempunyai keahlian sebanyak 91 syarikat penerbit yang beroperasi di seluruh Malaysia. Berdasarkan jadual di atas, majoriti daripada ahli MABOPA yang mendaftar secara rasmi merupakan syarikat yang beroperasi di Selangor, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Syarikat-syarikat tersebut mewakili 91.2 peratus daripada ahli-ahli atau 83 buah syarikat. Tiga buah beroperasi di Johor iaitu mewakili 3.3 peratus. Perak dan Pulau Pinang mencatat 2.2 peratus dengan masing-masing dua buah syarikat yang beroperasi di negeri tersebut. Manakala

hanya sebuah syarikat terletak di Melaka iaitu 1.1 peratus daripada jumlah syarikat yang menganggotai MABOPA secara keseluruhannya.

Kebanyakan ahli persatuan terdiri daripada syarikat yang besar dan aktif dalam bidang penerbitan buku seperti penerbitan buku teks sekolah, buku kerja, buku ulangkaji, ensiklopedia, kamus, majalah dan produk multimedia. Walaupun keahlian persatuan terbuka kepada mana-mana syarikat, namun begitu syarikat yang ingin menyertainya haruslah memenuhi beberapa kriteria tertentu sebelum diterima menjadi ahli persatuan seperti telah menerbitkan beberapa judul buku. Pada peringkat awal, setiap ahli diwajibkan menyumbang sebanyak RM 999 untuk tabung bangunan MABOPA, tetapi syarat ini telah dimansuhkan sejajar dengan resolusi yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke- 31 yang lalu. Langkah ini (sedang menunggu kelulusan ROS) diambil untuk menggalakkan lebih banyak penerbit menyertai Persatuan Penerbit Buku Malaysia. Selain dari itu, objektif penubuhan tabung juga telah tercapai. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Agung Tahunan juga telah mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli yang telah menyumbang kepada tabung tersebut dan bersetuju untuk memberikan sijil penghargaan kepada ahli-ahli berkenaan.

Berikut ialah nama-nama syarikat atau penerbit yang berdaftar di bawah Persatuan Penerbit Buku Malaysia :

NO. KEAHLIAN	NAMA SYARIKAT
199901	Abena Digital Publications Sdn. Bhd.
200002	Alpa Sigma Sdn. Bhd.
198401	Amiza Associate (M) Sdn. Bhd.
198710	Anglophone Language Centre
198502	Antara Publications (M) Sdn. Bhd.
198707	Archipelago Publishers Sdn. Bhd.
198211	Arenabuku Sdn. Bhd.
199601	ARK Publications Sdn. Bhd.
199801	Arus Intelek Sdn. Bhd.
198605	Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
198105	Berita Publishing Sdn. Bhd.
198503	Biroteks UiTM
200001	Cemerlang Publications Sdn. Bhd.
198912	Cerdik Publications Sdn. Bhd.
198801	Creative Enterprise Sdn. Bhd.
200004	Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.
198712	Darulffikir Sdn. Bhd.
198510	Dewan Bahasa dan Pustaka
199002	Dynamic Book Publisher
198104	Eastview Publications Sdn. Bhd.
198816	Eddiplex Sdn. Bhd.
198703	Edusystem Sdn. Bhd.
198919	Falcon Press Sdn. Bhd.
196901	Federal Publications Sdn. Bhd.
198911	FLO Enterprise Sdn. Bhd.
199702	GD Learning Resources Sdn. Bhd.

199102	Gedung Ilmu Sdn. Bhd.
196903	Geetha Sdn. Bhd.
198208	Golden Book Centre Sdn. Bhd.
198303	GROLIER (M) Sdn. Bhd.
199103	Gunung Mutiara Sdn. Bhd.
198601	Hizbi Sdn. Bhd.
198807	Hup Lick Sdn. Bhd.
198207	IBS Buku Sdn. Bhd.
198506	International Law Books Services
199602	Kiddibird Sdn. Bhd.
199403	Kohwai & Young Publications (M) Sdn. Bhd.
198301	Kompas Publishing Sdn. Bhd.
199007	Kuo Liang Sdn. Bhd.
199902	Leisure Guide Publishing Sdn. Bhd.
197301	Malaya Book Suppliers Co. Sdn. Bhd.
197302	Malaya Educational Suppliers Sdn. Bhd.
198403	Malaysian Book Centre
198708	Marwilis Publishing Distributor Sdn. Bhd.
199401	Masa Enterprise
199703	MDC Publishers Printers Sdn. Bhd.
199501	Melati Publishers Sdn. Bhd.
198812	Mika Canggih Sdn. Bhd.
199005	Nan Yang Publishers
198504	Oscar Book International
197303	Pan Malaya Publishing Co. Sdn. Bhd.
196904	Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
198402	Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
197004	Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
198203	Penerbit Pan Earth Sdn. Bhd.
198702	Penerbit Prisma Sdn. Bhd.

199201	Penerbit Seri Kota
198302	Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
196906	Penerbit Universiti Malaya
199101	Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
198917	Penerbitan Fargoes Sdn. Bhd.
198706	Penerbitan Jaya Bakti
198201	Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
197005	Preston Corporation Sdn. Bhd.
197001	Pustaka Antara Sdn. Bhd.
198181	Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd.
198817	Pustaka DPI Sdn. Bhd.
198916	Pustaka Pepada Jaya
197601	Pustaka Sistem Pelajaran Sdn. Bhd.
198206	Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.
199902	Rhythm Publishing Sdn. Bhd.
199006	RMA Publishing Sdn. Bhd.
198815	S. Abdul Majeed & Co.
200006	S. E Supplies (M) Sdn. Bhd.
198102	Sama Publications Distributors Sdn. Bhd.
198606	Sasbadi Sdn. Bhd.
197305	Syarikat Cultural Supplies Sdn. Bhd.
199701	Syarikat First Agency Publishing (M) Sdn. Bhd.
196907	Syarikat United Book Sdn. Bhd.
197307	Textbooks Malaysia Sdn. Bhd.
197201	The Malaya Press Sdn. Bhd.
197002	Times Educational Sdn. Bhd.
198602	Tropical Press Sdn. Bhd.
200003	Tunas Pelangi Sdn. Bhd.
199008	United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
199802	Universiti Putra Malaysia Press

197701	Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
197202	Vinpress Sdn. Bhd.
199901	Vital Star Sdn. Bhd.

Jadual 4 : Senarai Keahlian MABOPA Tahun 2000

(Sumber : Laporan Mimit Mesyuarat MABOPA, 2000)

Sehingga 15 September 2000, hanya terdapat 89 buah syarikat yang berdaftar secara rasminya dengan MABOPA. Walau bagaimanapun, jumlah syarikat yang mendaftar secara umumnya pada tahun 2000 ialah 91 buah syarikat. Senarai di atas menunjukkan nama-nama syarikat yang mendaftar dengan MABOPA berserta dengan nombor keahlian masing-masing. Daripada 91 syarikat yang mendaftar hanya lima buah syarikat sahaja yang merupakan 'orang lama' dalam MABOPA kerana masih lagi setia menganggotai MABOPA sejak dari awal penubuhannya pada tahun 1969 hingga ke hari ini. Daripada lima buah syarikat, empat darinya merupakan syarikat pengasas MABOPA. Syarikat-syarikat tersebut ialah Federal Publications Sdn. Bhd. (nombor keahlian 196901), Geetha Sdn. Bhd. (nombor keahlian 196903), Penerbit Universiti Malaya (nombor keahlian 196906) dan Syarikat United Book Sdn. Bhd. (nombor keahlian 196907). Keempat-empat syarikat ini terlibat secara langsung dalam penubuhan MABOPA pada tahun 1969. Syarikat Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. (nombor keahlian 196904) juga merupakan syarikat terawal mendaftar dalam MABOPA walaupun tidak terlibat dalam penubuhannya.

Berdasarkan daripada senarai keahlian semasa sehingga 15 September 2000, sebanyak 81 syarikat telah berhenti daripada menganggotai MABOPA (lihat lampiran). Namun begitu, terdapat juga syarikat-syarikat baru yang berminat untuk berdaftar dengan MABOPA menyebabkan bilangan ahlinya masih lagi stabil. Terlihat juga seperti wujud satu kecenderungan untuk 'keluar' dan 'masuk' dalam MABOPA secara sesuka hati seperti pemberhentian 81 syarikat yang tidak lagi berminat untuk menjadi ahli komuniti MABOPA. Sekiranya keadaan ini dapat di kawal sudah tentu keahlian MABOPA semakin bertambah dari tahun ke tahun sejajar dengan perkembangan industri perbukuan negara yang semakin berpotensi untuk maju ke hadapan lagi.

BIDANG KUASA

Bidang kuasa MABOPA tertakluk kepada peraturan dan perlombagaan yang digubal untuk kepentingan ahli-ahlinya. Peraturan itu dikenali sebagai Perlombagaan Persatuan Penerbit Buku Malaysia. Terdapat 13 Peraturan dalam Perlombagaan ini. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa terdapat beberapa pindaan telah dilakukan untuk memudahkan ahli-ahlinya. Antara Perlombagaan MABOPA yang telah dipindahkan ialah :

- Penambahan sub-peraturan (3) hingga (7) yang diusulkan oleh Encik Thomas Soh, Setiausaha Kehormat MABOPA menggantikan sub-

peraturan (3) hingga (7) yang lama dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22 yang diadakan pada 3 Mac 1990.

- Pindaan Peraturan 4 (1) iaitu bilangan asal ahli Jawatankuasa Tertinggi dari 9 orang ahli kepada 11 orang dibuat dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke- 22 yang diadakan pada 3 Mac 1990.
- Pindaan Perlembagaan MABOPA Fasal 6 (1) dan 6 (2) telah dicadangkan oleh Encik Hasrom Harun, Presiden MABOPA dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 yang diadakan pada 23 April 1994.
- Pemansuhan bayaran sebanyak RM 999 untuk tabung bangunan MABOPA kerana objektif penubuhannya telah tercapai telah dibuat dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke-31 (sedang menunggu kelulusan ROS)..

PERLEMBAGAAN PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA

Peraturan Perlembagaan Persatuan Penerbit Buku Malaysia adalah seperti berikut :

Nama, alamat surat menyurat dan tempat

1. Persatuan ini dikenali sebagai Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association).

2. Mesyuarat akan diadakan di 48B, Jalan SS 2/67 Petaling Jaya, Selangor atau di tempat lain yang akan ditentukan dari masa ke semasa oleh ahli Jawatankuasa Tertinggi.

Matlamat dan objektif

1. Menggalakkan penyebaran buku seluas-luasnya.
2. Menggalakkan pembangunan perniagaan pernberbitan
3. Menggalakkan kesedaran kebangsaan terhadap industri penerbitan
4. Menggalakkan kegiatan kepenggarangan
5. Meningkatkan kelayakan dan kemahiran teknikal serta profesional ahli
6. Memperkenal dan memberi perlindungan berbentuk perundangan yang berkepentingan terhadap ahli
7. Memeriksa proposal perundangan yang memberi impak kepada penerbit dan industri perbukuan
8. Mengenal pasti dan menyelesaikan permasalahan dalam penerbitan secara bersama
9. Menggalakkan amalan perniagaan yang adil
10. Bekerjasama dengan persatuan perniagaan yang bergabung dan organisasi pendidikan / kebudayaan untuk menyemai minat membaca.

Keahlian

1. Sesiapa sahaja atau mana-mana syarikat yang berdaftar sebagai penerbit di Malaysia adalah layak untuk menjadi ahli persatuan.
2. Maksud berdaftar sebagai penerbit di Malaysia adalah untuk orang perseorangan atau syarikat yang mendaftarkan perdagangannya untuk tujuan penerbitan buku.
3. Jawatankuasa Tertinggi mungkin menjemput mana-mana persatuan syarikat atau institusi untuk menjadi Ahli Kehormat dalam persatuan.
4. Ahli Kehormat layak membuat undian dalam mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Tergempar yang diadakan oleh persatuan atau menyertai dalam barisan pencalonan mana-mana pemilihan ahli jawatankuasa dalam persatuan.
5. Setiap permohonan untuk menjadi ahli akan di cadang dan di sokong oleh dua orang ahli dan akan diusulkan kepada Setiausaha iaitu orang yang akan mengemukakannya kepada ahli Jawatankuasa Tertinggi untuk mendapatkan kelulusan. Keputusan yang dibuat oleh ahli Jawatankuasa Tertinggi adalah muktam̄at.
6. Setiap pemohon yang permohonannya sudah diluluskan seperti yang dinyatakan, perlu menjelaskan bayaran yuran kemasukan dan yuran tahunan iaitu pengesahan sebagai ahli persatuan dan akan diberi

kesemua hak keistimewaan keahlian. Pengiraan setiap tahun bermula dari tarikh 1 Januari hingga 31 Disember.

7. Mana-mana ahli yang dikenakan tindakan disiplin yang disarankan oleh *Fair Trade Practice Council* kerana melanggar *Fair Trade Practice Agreement* hendaklah dirujuk kepada tindakan disiplin persatuan dan keputusan diputuskan oleh ahli Jawatankuasa Tertinggi selepas pertimbangan yang wajar tentang saranan dan nasihat oleh *Fair Trade Practice Council* yang mengambil tindakan.

Selagi *Fair Trade Practice Agreement* dikendaki diteruskan dalam persatuan dan Persatuan Penjual Buku Malaysia, semua ahli persatuan hendaklah mematuhi kepada apa yang dipersetujui dalam perjanjian.

Yuran kemasukan, yuran tahunan dan lain-lain bayaran

1. Yuran kemasukan dan yuran tahunan yang harus dibayar adalah seperti berikut :

Keahlian ;	Yuran Kemasukan	-	RM 100
	Yuran Tahunan	-	RM 200

[Pada tahun 2000, peraturan tentang yuran kemasukan dan yuran tahunan telah dipinda tetapi peraturan yang baru masih belum dilaksanakan ketika kajian ini di tulis].

2. Yuran tahunan hendaklah dibayar kepada Bendahari dalam masa 60 hari selepas sesuatu tarikh yang ditetapkan.
3. Mana-mana ahli yang gagal membayar yuran tahunan pada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan hendaklah dinafikan keistimewaan keahliannya termasuk kebenaran untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam agenda Mesyuarat Agung Tahunan, mengundi dan dicalonkan untuk sebarang pemilihan dalam sebarang mesyuarat.
4. Mana-mana ahli yang disahkan hutangnya melebihi dua tahun yuran tahunan hendaklah secara automatik diberhentikan daripada menjadi ahli persatuan dan ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah memaklumkan kepadanya.
5. Ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan satu yuran kemasukan baru kepada sesiapa yang disahkan keahliannya dilucutkan melalui hutang yang tidak dijelaskan.
6. Yuran khas atau cukai untuk tujuan tertentu mungkin dikutip daripada ahli-ahli melalui ketetapan yang dibuat dalam Mesyuarat Agung Tahunan persatuan.
7. Mana-mana ahli yang berhasrat hendak berhenti daripada persatuan hendaklah memberi notis bertulis tiga bulan kepada Setiausaha Kehormat.

Mesyuarat Agung

1. Pengurusan persatuan ditentukan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ahli-ahli. Sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah keseluruhan ahli persatuan atau sekali ganda jumlah ahli jawatankuasa, adalah jumlah terkecil yang mesti hadir dalam Mesyuarat Agung untuk meneruskannya sebagai sah dan membentuk satu korum.
2. Sekiranya setengah jam selepas masa yang ditetapkan untuk mesyuarat diadakan, korum tidak hadir, mesyuarat itu akan ditunda kepada satu tarikh (tidak lebih 14 hari) lain yang diputuskan oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan sekiranya korum masih tidak hadir setengah jam selepas masa yang ditetapkan itu (dalam mesyuarat kedua), ahli-ahli yang hadir diberi kuasa untuk meneruskan mesyuarat tersebut mereka tidak berhak untuk mengubah peraturan persatuan bagi membuat keputusan-keputusan yang boleh mempengaruhi keseluruhan keahlian.
3. Mesyuarat Agung Tahunan persatuan hendaklah diadakan tidak lewat dari tarikh 30 April pada setiap tahun pada tarikh, masa dan tempat yang diputuskan oleh ahli Jawatankuasa Tertinggi.

Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah :

- a) Untuk membetulkan laporan ahli Jawatankuasa Tertinggi persatuan untuk tempoh sepanjang tahun ;
- b) Untuk menerima laporan Bendahari dan penyata kira-kira persatuan untuk tempoh sepanjang tahun ;

- c) Untuk memilih ahli Jawatankuasa Tertinggi dan melantik Juruaudit untuk tempoh seterusnya ;
 - d) Untuk menguruskan apa saja keperluan lain seperti yang diusulkan sebelum ini.
4. Notis pemberitahuan tentang Mesyuarat Agung Tahunan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat dan pengusulan cadangan-cadangan untuk tujuan dibincangkan dan cadangan-cadangan untuk pemindaian berkaitan dengan peraturan dan pencalonan untuk pemilihan ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah dihantar oleh Setiausaha kepada semua ahli tidak lewat dari 30 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk diadakan mesyuarat.
5. Pencalonan untuk pemilihan dan cadangan-cadangan untuk perbincangan semasa mesyuarat hendaklah dihantar kepada Setiausaha dan diterima tidak lewat dari jam 4.00 petang 14 hari dari tarikh selepas penerimaan notis pemberitahuan mesyuarat. Penambahan pencalonan boleh dibuat pada masa Mesyuarat Agung Tahunan berlangsung dan pemilihan berlangsung bergantung kepada prosedur lengkap yang diterima.
6. Setiausaha hendaklah menghantar agenda mesyuarat termasuk salinan minit mesyuarat dan laporan-laporan, cadangan dan pencalonan jawatan penting, termasuk penyata kira-kira persatuan sepanjang tahun itu kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat diadakan.
7. Mesyuarat tergempar persatuan akan dijalankan :

- a. apabila semua ahli Jawatankuasa Tertinggi berpendapat itu diperlukan atau ;
 - b. atas permintaan bertulis tidak kurang daripada 2/3 ahli dengan mengemukakan tujuan dan alasan untuk diadakan mesyuarat tersebut.
8. Mesyuarat tergempar yang dikemukakan secara rasmi oleh ahli-ahli hendaklah dijalankan pada satu tarikh dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permohonan tersebut.
9. Notis dan agenda untuk mesyuarat tergempar hendaklah diajukan terlebih dahulu oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat tersebut diadakan.
10. Perenggan (1) dan (2) dalam peraturan ini yang berkaitan dengan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah digunakan juga dalam hal mesyuarat tergempar tetapi dengan syarat tidak ada korum hadir selepas setengah jam untuk mesyuarat tergempar diadakan atas permohonan bertulis oleh ahli yang ditunda itu, mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan mesyuarat tergempar boleh dipohon lagi untuk tujuan yang sama sehingga sekurang-kurangnya 6 bulan daripada tarikh pembatalan tersebut.
11. Setiausaha hendaklah menghantar derat setiap minit mesyuarat agung dan mesyuarat tambahan kepada semua ahli persatuan secepat mungkin selepas keputusan mengadakan mesyuarat itu dibuat.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi

1. Ahli Jawatankuasa Tertinggi mengandungi 11 orang hendaklah dipilih semasa Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka ialah :

- 1 orang Presiden
- 1 orang Naib Presiden
- 1 orang Setiausaha Kehormat
- 1 orang Bendahari Kehormat
- 7 orang ahli jawatankuasa biasa

Pemegang Amanah persatuan dan setiap ahli jawatankuasa hendaklah warganegara Malaysia. Tempoh pemegangan sebagai ahli Jawatankuasa Tertinggi adalah selama 2 tahun.

2. Pencalonan untuk pemilihan hendaklah dicadang dan disokong dan pemilihan berlangsung melalui pengundian secara ringkas majoriti ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Ahli Jawatankuasa Tertinggi adalah layak untuk dicalonkan dalam pemilihan akan datang tetapi hendaklah tidak terikat dengan mana-mana persatuan perdagangan yang lain.
3. Fungsi ahli Jawatankuasa Tertinggi ialah menganjurkan dan menyelia aktiviti-aktiviti persatuan dan membuat keputusan berkenaan dengan perkara-perkara yang mempengaruhi perlaksanaan bersabit dengan polisi umum yang ditentukan mengikut keputusan mesyuarat umum.

Jawatankuasa Tertinggi juga akan menyediakan laporan tentang kegiatannya sepanjang tahun sebelumnya setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

4. Ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah mengadakan pertemuan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan dan notis 14 hari hendaklah diberi kepada ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain. Presiden seorang diri atau tidak kurang daripada tiga orang ahli boleh memanggil untuk diadakan pertemuan antara ahli Jawatankuasa Tertinggi pada bila-bila masa yang ditentukan dan diberi notis sekurang-kurangnya tujuh hari.
 - 4A. Usul-usul yang dikemukakan kepada mesyuarat ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah diluluskan melalui kehadiran ahli-ahli jawatankuasa oleh majoriti yang mudah.
5. Bila ada saja perkara berbangkit yang memerlukan kelulusan ahli Jawatankuasa Tertinggi dan adalah tidak mustahil untuk mengadakan mesyuarat, Setiausaha boleh mendapatkan sokongan ini melalui surat-surat sokongan yang diedarkan kepada ahli persatuan. Syarat di bawah mesti dipenuhi terlebih dahulu sebelum keputusan ahli Jawatankuasa Tertinggi diperolehi.
 - a. Isu-isu tersebut mestilah dijelaskan dalam surat pekeliling dan diedarkan kepada semua ahli Jawatankuasa Tertinggi.
 - b. Sekurang-kurangnya separuh daripada ahli Jawatankuasa Tertinggi mesti menyatakan sama ada mereka menerima atau menentang cadangan tersebut ; dan

- c. Keputusan yang dibuat mestilah melalui undi majoriti

Mana-mana keputusan yang dicapai melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh setiausaha dalam mesyuarat ahli Jawatankuasa Tertinggi yang berikutnya dan direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut.

6. Mana-mana ahli Jawatankuasa Tertinggi yang gagal menghadiri tiga kali berturut-turut mesyuarat ahli Jawatankuasa Tertinggi tanpa alasan yang memuaskan hendaklah dianggap sudah berhenti daripada menjadi ahli Jawatankuasa Tertinggi.
7. Dalam kes kematian atau perletakan jawatan oleh ahli Jawatankuasa Tertinggi, calon yang mendapat undi kedua terbanyak (selepas calon meninggal dunia atau bersara) dalam pemilihan sepanjang tahun yang lepas hendaklah dijemput untuk memenuhi kekosongan tempat tersebut. Jika tidak ada sebarang calon atau menolak, ahli Jawatankuasa Tertinggi mempunyai kuasa untuk memilih mana-mana ahli persatuan yang lain bagi memenuhi kekosongan jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.
8. Ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah memberi arahan dan tunjuk ajar kepada Setiausaha dan ahli jawatankuasa lain untuk mengendalikan atau menguruskan persatuan. Ia mungkin memilih mana-mana penganjur dan kakitangan sekiranya dirasakan perlu. Ia mungkin menggantung atau memecat mana-mana penganjur atau ahli atau kakitangan yang cuai

dalam tugasnya, tidak jujur, tidak layak, menolak keputusan yang dibuat oleh ahli Jawatankuasa Tertinggi atau mana-mana alasan yang dirasakan baik dan memadai menarik minat persatuan.

9. Ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah mentafsirkan peraturan-peraturan dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan bila perlu menentukan mana-mana perkara dalam peraturan yang disenyapkan.
10. Selain perkara yang bertentangan atau tidak selari dengan polisi yang ditetapkan melalui mesyuarat agung, keputusan-keputusan ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah dikuatkuasakan kepada semua ahli persatuan melainkan dan sehingga berlaku pemindaan melalui resolusi dalam mesyuarat agung.

Tugas-tugas ahli Jawatankuasa Tertinggi

1. Sepanjang tempoh Presiden memegang jawatannya, dia hendaklah mempergerusikan setiap mesyuarat umum ahli Jawatankuasa Tertinggi dan dia hendaklah bertanggungjawab atas kelincinan pengendalian setiap mesyuarat tersebut. Dia hendaklah menandatangi setiap minit mesyuarat pada masa minit itu diluluskan. Dia sebagai salah seorang yang meluluskan peruntukan kewangan hendaklah menandatangi cek-cek bagi pihak persatuan.
2. Naib Presiden hendaklah menggantikan tempat Presiden semasa ketidakhadirannya.

3. Setiausaha hendaklah mengendalikan urusan-urusan persatuan mengikut keselarasan peraturan-peraturan dan mengeluarkan panduan-panduan mesyuarat umum dan mesyuarat ahli Jawatankuasa Tertinggi. Dia hendaklah bertanggungjawab mengendalikan kesemua urusan surat-menyurat, menyimpan buku-buku, dokumen-dokumen dan kertas-kertas kerja melainkan akaun dan rekod-rekod kewangan. Dia hendaklah hadir dalam kesemua mesyuarat yang diadakan dan mencatat minit mesyuarat tersebut. Selain Bendahari dan Presiden, dia juga layak menandatangani cek-cek bagi pihak persatuan.
4. Bendahari hendaklah bertanggungjawab atas urusan kewangan persatuan. Dia hendaklah menyimpan segala akaun pengurusan kewangan dan bertanggungjawab membetulkannya. Dia juga hendaklah menandatangani cek-cek bagi pihak persatuan.

Peruntukan-peruntukan kewangan

1. Perkara seperti yang diperuntukan dalam peraturan berikut ; yuran persatuan mungkin akan ditambah dalam apa juga situasi yang dikendaki untuk melaksanakan objektif persatuan termasuk membelanjakannya untuk pentadbiran dan pembayaran gaji, elauan dan perbelanjaan ahli Jawatankuasa Tertinggi dan kakitangan yang

berbayar dan Juruaudit akaun. Tidak ada pembayaran terhadap ahli yang terlibat dengan tindakan mahkamah.

2. Bendahari akan memegang wang tunai tidak melebihi RM 200 pada satu masa. Segala wang yang melebihi jumlah ini mesti ditunaikan dalam tempoh tiga hari melalui kelulusan ahli Jawatankuasa Tertinggi. Akaun bank hendaklah dibuat atas nama persatuan.
3. Kesemua cek atau notis penarikan terhadap akaun persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh mana-mana dua orang daripada berikut : Bendahari, Presiden, Naib Presiden dan Setiausaha. Apabila Presiden atau Setiausaha tidak hadir, komuniti hendaklah memilih Naib Presiden menandatangani bagi pihak mereka.
4. Tanpa persetujuan daripada ahli Jawatankuasa Tertinggi terlebih dahulu, tidak ada peruntukan belanjawan melebihi RM 500 pada satu masa tertentu dan tidak ada peruntukan melebihi RM 1,000 pada satu-satu bulan yang mendatangkan kesan. Pembayaran kurang daripada RM 500 akan diluluskan bersama oleh Presiden dan Setiausaha.^
5. Selepas berakhirnya sesuatu tahun, penyata resit dan pembayaran serta baki untuk setahun itu hendaklah disedia dan diauditkan oleh Juruaudit seperti yang dicatatkan dalam Peraturan 10. Akaun yang diaudit hendaklah dikemukakan untuk pengesahan dalam

Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya dan segala salinannya hendaklah disediakan di pejabat pendaftaran atau di tempat ahli persatuan membuat penyemakan.

6. Pengiraan kewangan tahunan bermula pada 1 Januari.

Juruaudit

1. Dua orang ahli (bukan ahli Jawatankuasa Tertinggi) persatuan hendaklah dipilih sebagai Juruaudit Kehormat melalui Mesyuarat Agung Tahunan.

ATAU

Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah memilih Juruaudit berbayar yang berkelayakan atau firma pengurusan akaun yang bukan terdiri daripada ahli persatuan. Juruaudit yang dipilih hendaklah memegang jawatannya sehingga dia berhenti atau kedudukannya ditamatkan melalui mesyuarat agung.

2. Juruaudit mesti mengaudit akaun-akaun persatuan untuk sepanjang tahun dan menyediakan laporan atau surat akuan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga mungkin akan diminta oleh Presiden untuk mengaudit akaun-akaun persatuan untuk mana-mana waktu dalam tempoh mereka memegang jawatan tersebut pada mana-mana tarikh dan juga membuat laporan kewangan untuk ahli ahli Jawatankuasa Tertinggi.

Pemegang Amanah

1. Tiga orang Pemegang Amanah yang berumur 21 tahun ke atas akan dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang pertama berikutnya perolehan sebarang harta tetap daripada persatuan dan akan memegang jawatan itu selama yang dikendaki oleh persatuan. Mereka akan diberi kuasa ke atas semua harta tetap (apa saja yang menjadi milik persatuan) dan segala perundingan dengannya adalah bergantung kepada pelaksanaan budi bicara orang yang diberi kepercayaan.
2. Pemegang Amanah tidak boleh menjual, mengeluar atau memindah apa sahaja harta milik persatuan tanpa izin dan kuasa daripada ahli lembaga mesyuarat.
3. Pemegang Amanah mungkin akan dipindahkan dari pejabat ahli oleh ahli lembaga mesyuarat atas sebab; sakit, hilang akal, keluar negara atau sebab-sebab lain, dia tidak lagi berkemampuan menjalankan tanggungjawabnya atau tidak melakukannya dengan memuaskan. Dalam kes kematian, perletakan jawatan atau perubahan pemegang amanah sebelum Mesyuarat Agung Tahunan, kekosongan hendaklah diisi oleh pemegang amanah yang baru dipilih melalui mesyuarat agung.

Larangan

1. Sama ada persatuan atau ahli-ahlinya hendaklah cuba untuk mematuhi atau tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal penjualan atau penetapan harga atau perjanjian dalam segala aktiviti persatuan seperti yang dijelaskan dalam Ordinan Persatuan Perniagaan 1959.
2. Persatuan tidak akan memegang sebarang loteri sama ada dihadkan kepada ahli atau tidak, atas nama persatuan atau ahli Jawatankuasa Tertinggi, komuniti dan ahlinya.
3. Persatuan tidak akan mempunyai sebarang gabungan (dengan persatuan lain) atau hubungan luar dari Malaysia.

Pindaan-pindaan Peraturan

Peraturan-peraturan ini tidak boleh diubah atau dipinda melainkan melalui resolusi yang disokong oleh 2/3 majoriti ahli yang hadir dalam mesyuarat umum. Mana-mana perubahan atau pindaan hendaklah dikira dari tarikh penyokongannya oleh Pendaftar Persatuan.

Pembubaran

1. Persatuan boleh dibubarkan melalui resolusi yang mendapat undian tidak kurang 4/5 daripada jumlah keseluruhan ahli yang hadir dalam Mesyuarat Tambahan Tahunan.
2. Dalam peristiwa pembatalan persatuan seperti yang terdapat dalam peruntukan di atas, kesemua hutang dan liabiliti bagi pihak persatuan tidak akan dikenakan bayaran sepenuhnya dan yuran tetap akan dikemukakan dalam segala perkara seperti yang diputuskan melalui mesyuarat agung.
3. Notis tentang pembubaran hendaklah dirujuk kepada Pendaftar Persatuan dalam tempoh 14 hari selepas pembubaran.

STRUKTUR ORGANISASI

Barisan kepimpinan organisasi di dalam MABOPA dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja MABOPA. Perlantikan Jawatankuasa Kerja MABOPA diadakan pada setiap tahun dalam Mesyuarat Agung Tahunannya. Pemilihan dijalankan secara sistematik dengan kiraan undi. Walau bagaimanapun, dalam tempoh lima tahun kebelakangan, MABOPA telah meminda Perlembagaannya dalam Fasa 6 (1) dan 6 (2) agar membolehkan pemilihan Jawatankuasa Kerja

MABOPA diadakan dua tahun sekali. MABOPA telah pun mempraktikkannya dengan melantik Jawatankuasa Kerja dua tahun iaitu pada sesi 1995/1997 dan juga sesi 1997/1999. Begitu juga dengan Jawatankuasa Kerja MABOPA yang terbaru juga dilantik selama dua tahun bagi tempoh 1999 hingga 2001.

Berikut ialah senarai **Jawatankuasa Kerja MABOPA** sesi 1999/2001 :

Presiden : Dato' Ng Tieh Chuan

(*Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.*)

Naib Presiden : Encik Law King Hui
(*Sasbadi Sdn. Bhd.*)

Setiausaha Kehormat : Encik Kow Ching Chuan
(*Syarikat Cultural Supplies Sdn. Bhd.*)

Bendahari Kehormat : Puan Sumangala Pillai
(*Universiti Putra Malaysia Press*)

Ahli Jawatankuasa : Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak
(*Penerbit Universiti Malaya*)

~
Encik Young Poh Loon
(*Kohwai & Young Publications (M) Sdn. Bhd.*)

Encik M. Visuanathan
(*Malaysian Book Centre*)

Puan Zainora Muhamad
(*Cerdik Publications Sdn. Bhd.*)

Encik Francis Lee Yiau Kuang
(*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*)

Encik Windfred Chee
(*Oscar Book International*)

Puan Rohani Zainal Abidin
(Dewan Bahasa & Pustaka)

~

PRESIDEN
Dato' Ng Tieh Chuan
(*Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.*)

NAIB PRESIDEN
Encik Law King Hui
(*Sasbadi Sdn. Bhd.*)

SETIAUSAHA KEHORMAT
Encik Kow Ching Chuan
(*Syarikat Cultural Supplies Sdn. Bhd.*)

BENDAHARI KEHORMAT
Puan Sumangala Pillai
(*Universiti Putra Malaysia Press*)

JAWATANKUASA
Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak
(*Penerbit Universiti Malaya*)

Encik Young Poh Loon
(*Kohwai & Young Publications (M) Sdn. Bhd.*)

Encik M. Visuanathan
(*Malaysian Book Centre*)

Puan Zainora Muhamad
(*Cerdik Publications Sdn. Bhd.*)

Encik Francis Lee Yiau Kuang
(*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*)

Encik Windfred Chee
(*Oscar Book Internatioanal*)

Puan Rohani Zainal Abidin
(*Dewan Bahasa & Pustaka*)

Jadual 5 : Senarai Jawatankuasa Kerja MABOPA Sesi 1999/2001
Sumber : Buku Cenderamata Sempena Ulang Tahun Ke- 31 MABOPA

Jadual 5 menunjukkan carta organisasi MABOPA bagi sesi 1999/2001.

Menurut perlembagaan MABOPA, tempoh pemegangan sebagai ahli Jawatankuasa Tertinggi adalah selama dua tahun yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan (rujuk Perlembagaan MABOPA ; fasa Ahli Jawatankuasa Tertinggi). Bersesuaian dengan perlembagaan MABOPA tersebut, maka Mesyuarat Agung Tahunan Ke- 30 MABOPA telah diadakan di Holiday Villa, Subang Jaya pada tarikh 4 Jun 1999. Hasil daripada mesyuarat tersebut, maka barisan kepimpinan baru telah dipilih bagi menerajui sesi 1999/2001. Dato' Ng Tieh Chuan dari Syarikat Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. telah dipilih sebagai presiden baru bagi MABOPA bagi tempoh dua tahun. Jawatan naib presiden di sandang oleh Encik Law King Hui dari Syarikat Sasbadi Sdn. Bhd. manakal Encik Kow Ching Chuan kekal sebagai setiausaha kehormat. Encik Kow Ching Chuan adalah dari Syarikat Cultural Supplies Sdn. Bhd.. Wakil dari Universiti Putra Press iaitu Puan Sumangala Pillai telah dipilih menjadi bendahari kehormat bagi MABOPA. Selain itu, terdapat tujuh orang ahli jawatankuasa yang dipilih untuk membantu melicinkan lagi perjalanan MABOPA iaitu Dr. Sidin Ahmad Ishak (Penerbit Universiti Malaya), Encik Young Poh Loon (Syarikat Kohwai & Young Publications (M) Sdn. Bhd.), Encik M. Visuanathan (Syarikat Malaysian Book Centre), Puan Zainora Muhamad (Syarikat Cerdik Publications Sdn. Bhd.), Encik Francis Lee Yiau Kuang (Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.), Encik Windfred Chee (Syarikat Oscar Book International), dan Puan Rohani Zainal Abidin (Dewan Bahasa dan Pustaka). Kesemua ahli jawatankuasa ini

merupakan jentera penggerak utama bagi program-program yang dirancang dalam tempoh dua tahun bermula dari tahun 1999 hingga ke tahun 2001.